

Kembalikan kedaulatan PBB

UM 2 6 OCT 2003

KUALA LUMPUR 25 Okt. — Perkembangan terkini dunia termasuk ancaman keganasan dan tindakan unilateral oleh kuasa-kuasa besar menjadikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semakin relevan kepada masyarakat antarabangsa.

Wakil PBB ke Malaysia, Singapura dan Brunei, Richard Leete berkata, perkembangan tersebut sepatutnya menguatkan semangat dalam memperjuangkan amalan multilateral dan hak asasi manusia sejagat.

“PBB perlu meneruskan usaha untuk menjadikan kuasa-kuasa besar akur kepada undang-undang antarabangsa terutamanya amalan multilateral,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis

ulang tahun ke-58 PBB, di Wisma Genting di sini hari ini.

Sementara itu, Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan di dalam ucapan beliau yang disiarkan menerusi video pada majlis itu berkata, PBB yang kini berusia lebih separuh abad sebenarnya sedang menghadapi waktu-waktu sukar.

“Selain ancaman dan peristiwa keganasan yang berlaku di beberapa negara, PBB juga turut kehilangan wakil dan kakitangan apabila pejabatnya dibom di Baghdad pada 19 Ogos lalu,” jelasnya.

Bagaimanapun, kata Annan, kejadian berkenaan mahupun ancaman serta kecaman lain sama sekali tidak akan menggugat perjuangan PBB di dalam memastikan keamanan dan

keselamatan masyarakat sejagat.

“PBB dan masyarakat antarabangsa kini perlu berganding bahu dan berkongsi pandangan di dalam memerangi keganasan dan memastikan polisi PBB kembali dipatuhi oleh kuasa-kuasa besar,” tambah beliau.

Kata Annan lagi, biarpun banyak kelemahan dapat dilihat di dalam peranan PBB di masa ini namun semua pihak tidak seharusnya berputus asa di dalam berusaha untuk mengembalikan kedaulatan PBB.

PBB disifatkan sebagai lemah dan boneka kuasa-kuasa besar terutamanya Amerika Syarikat (AS) apabila badan tersebut gagal menyekat tindakan AS daripada melakukan penceroohan ke atas Iraq dengan tindakan unilateral.

Perkembangan berkenaan menjadikan banyak negara sedang membangun termasuk Malaysia menggesa agar kuasa veto yang diamalkan di dalam Majlis Keselamatan PBB dimansuhkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di dalam ucapannya pada perhimpunan agung PBB ke-57 baru-baru ini, juga turut menegaskan gesaan tersebut.

“Langkah ini adalah perlu untuk memastikan kuasa-kuasa besar khususnya yang menganggotai majlis berkenaan tidak menyalahgunakan kuasa tersebut di dalam menindas negara-negara yang lemah,” kata Perdana Menteri lagi.